

DYNAPHAN SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Dextromethorphan hydrobromide (15mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DYNAPHAN SYRUP
2. Bagaimana DYNAPHAN SYRUP berfungsi
3. Sebelum menggunakan DYNAPHAN SYRUP
4. Cara menggunakan DYNAPHAN SYRUP
5. Semasa menggunakan DYNAPHAN SYRUP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DYNAPHAN SYRUP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DYNAPHAN SYRUP

DYNAPHAN SYRUP digunakan untuk melegakan simptom batuk tidak produktif yang disebabkan oleh kerengsaan ringan pada tekan dan saluran pernafasan yang berlaku ketika selesesa atau disebabkan oleh terhadu bahan perengsa (*irritant*).

Bagaimana DYNAPHAN SYRUP berfungsi

Dextromethorphan menyekat refleks batuk dengan tindakan langsung pada sistem saraf pusat, di dalam otak.

Sebelum mengambil DYNAPHAN SYRUP

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan DYNAPHAN SYRUP jika anda mengambil inhibitor monoamine oxidase (MAOI) untuk kemurungan.

Ia tidak boleh diambil untuk melegakan batuk yang berterusan atau kronik atau apabila batuk disertai dengan kehadiran kahak yang berlebihan.

Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor anda jika anda mengandung, fikir anda mungkin mengandung atau merancang untuk hamil atau jika anda sedang menyusukan bayi. Penggunaan DYNAPHAN SYRUP semasa menyusu harus dielakkan. Tanya doktor anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil DYNAPHAN SYRUP.

- Sebelum mengambil DYNAPHAN SYRUP

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai masalah berikut:

- Penyakit hati
- Asma
- Batuk yang berterusan atau kronik
- Batuk disertai dengan rembesan yang berlebihan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan DYNAPHAN SYRUP

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa:

1 - 2 sudu teh (5 ml hingga 10 ml). Tidak melebihi 8 sudu teh (40 ml) setiap hari.

Kanak-kanak:

7 - 12 tahun: $\frac{1}{2}$ - 1 sudu teh (2.5 ml hingga 5 ml). Tidak melebihi 4 sudu teh (20 ml) setiap hari.

2 - 6 tahun: $\frac{1}{2}$ sudu teh (2.5 ml). Tidak melebihi 2 sudu teh (10 ml) setiap hari. Diambil 1 - 4 kali sehari.

AMARAN (apabila digunakan untuk rawatan batuk dan selesesa):

1. Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.
2. Untuk digunakan dengan berhati-hati dan dengan nasihat doktor pada kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan

dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan kesukaran pernafasan, kehilangan kawalan ke atas pergerakan badan dan keterujaan.

Semasa menggunakan DYNAPHAN SYRUP

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DYNAPHAN SYRUP.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi DYNAPHAN SYRUP kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana ubat ini memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DYNAPHAN SYRUP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan adalah: Rasa mengantuk, pening, keterujaan,

kekeliruan mental, gangguan gastrousus, gelisah atau resah atau cepat marah. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DYNAPHAN SYRUP

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.
Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat
Simpan di tempat kering di bawah
25°C
Lindungi daripada cahaya
Goncang sebelum digunakan

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap berwarna dan berperisa oren

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Dextromethorphan hydrobromide

- Bahan-bahan tidak aktif
Gula, liquid glucose, methyl paraben, propyl paraben, sodium benzoate, sodium saccharin, asid sitrik, perisa oren, sunset yellow, deionised water.

- Nombor MAL

MAL19910825AZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

08/03/2017

Nombor siri:

BPK(R4/1)070317/00017